



## MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Majlis Perbandaran Manjung.

JAWATAN	: PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29 (APLIKASI ALAT MUDAH ALIH) (TANPA WARAN JAWATAN TETAP)
KUMPULAN PERKHIDMATAN	: PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	: PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
JADUAL GAJI (MIN – MAKS)	: RM1,549.00 – RM5,684.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	: RM145.00
TARAF JAWATAN	: KONTRAK ( <i>CONTRACT OF SERVICE</i> )
BILANGAN	: 1 JAWATAN DI BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN TIADA KEKOSONGAN WARAN PERJAWATAN TETAP
SYARAT LANTIKAN	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-  (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan  (c) (i) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau  (ii) sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau  (iii) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00); atau

	(iv) diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,929.89).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
RINGKASAN DESKRIPSI TUGAS : DAN CIRI-CIRI DIPERLUKAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangunkan antara muka pengaturcaraan aplikasi (API) untuk menyokong fungsi <i>Mobile Apps</i> termasuk mengenai pasti dan merancang ciri-ciri baharu.</li> <li>• Mencadangkan dan melaksanakan produk, aplikasi dan protokol <i>Mobile Apps</i>.</li> <li>• Menggunakan dan menyesuaikan aplikasi web sedia ada untuk aplikasi.</li> <li>• Keupayaan menghasilkan portfolio aplikasi yang boleh ditunjukkan di <i>App Store</i> atau pasaran <i>Android</i>.</li> <li>• Pengetahuan yang luas tentang sekurang-kurangnya satu bahasa pengaturcaraan seperti <i>Swift</i> dan <i>Java (Native)</i> atau <i>ionic, Flutter (Hybrid)</i>.</li> <li>• Mahir dengan prinsip reka bentuk <i>Object Oriented Programming (OOP)</i>.</li> <li>• Pengalaman integrasi API (<i>SOAP/RESTFUL</i>) dari pihak ketiga.</li> <li>• Kemahiran analisis dan menyelesaikan masalah dengan baik serta boleh bekerja secara berpasukan.</li> </ul>

TARIKH TUTUP IKLAN : 1 MEI 2023


#### CARA MEMOHON

##### **(SILA BACA DENGAN TELITI SEBELUM MENGEJUAKAN PERMOHONAN)**

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (*online*) sahaja dengan melayari laman web Majlis Perbandaran Manjung di [www.mpm.gov.my](http://www.mpm.gov.my) dan pemohon akan dihubungkan ke Laman Portal Perak Digital Negeri Perak di bawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong di <https://digital.perak.my>. Pemohon hendaklah mengisi maklumat berkaitan syarat tambahan seperti yang telah dinyatakan di atas sekiranya mempunyai kemahiran/pengalaman tersebut pada ruangan sukan dan aktiviti sosial di dalam aplikasi ini.

## **CATATAN AM**

- (a) Pihak Majlis berhak menentukan asas-asas tapisan dalam menyenarai pendek calon-calon yang layak dipanggil untuk sesi ujian/temu duga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian/temu duga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di agensi kerajaan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan dengan mengemukakan dokumen berikut semasa dipanggil untuk sesi ujian/temu duga:
  - (i) Satu salinan Ringkasan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini
  - (ii) Laporan Nilaian Prestasi Tahunan terkini
  - (iii) Surat perakuan Ketua Jabatan sama ada beliau menyokong/tidak menyokong permohonan jawatan tersebut.



.....  
**SYAMSUL HAZEMAN BIN MD.SALLEH,PMP., AMP.**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**  
**TARIKH : 1 APRIL 2023 / NO FAIL : MPM.(JKP)500-1/4/2 JLD.8**